SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2021 Pengajian Perniagaan Sem 1 Kelantan

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan*.

1. Huraikan **empat** tanggungjawab Syarikat Garuda terhadap pemodal atau pelabur perniagaannya. [4]

2. Huraikan **dua** sebab sesebuah perniagaan milikan tunggal perlu ditukar kepada bentuk syarikat. [4]

3. Nyatakan **enam** faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar sebelum memilih sesuatu lokasi untuk dijadikan tapak kilang. [6]

4. Berikan **empat** prinsip dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). [4]

5. Jelaskan **dua** elemen Model Gelagat Pengguna yang digunakan untuk mengkaji faktor keputusan pembelian dan maklum balas pengguna . [4]

6. Huraikan **tiga** langkah pertama dalam proses pembelian produk pengguna. [6]

7. Terangkan **tiga** perkaitan antara pengurusan kewangan dengan pengeluaran dalam sesebuah organisasi. [6]

8. Berikan **empat** tindakan yang diambil oleh seseorang peniaga apabila mengalami kekurangan tunai. [4]

9. Huraikan **tiga** kaedah yang digunakan dalam pengurusan sumber manusia strategik. [6]

10. a) Takrifkan maksud disiplin. [1]
    b) Senaraikan **lima** jenis hukuman yang boleh dikenakan terhadap pekerja yang melanggar disiplin sesebuah organisasi. [5]

Bahagian B [*50 markah*]

Jawab soalan **11**

Malaysia Airlines

Syarikat penerbangan negara *Malaysia Airlines* harus dibubarkan kerana sudah tidak boleh diselamatkan lagi, dengan penularan COVID-19, kewangan syarikat itu semakin sukar diatasi. Prestasi syarikat semakin merosot dan *Malaysia Airlines* sememangnya mempunyai isu legasi sejak bertahun lamanya. Berbilion dolar diperlukan untuk memperbetulkan kembali syarikat berkenaan namun tiada jaminan ia akan berhasil. Pemansuhan *Malaysia Airlines* boleh digantikan dengan sebuah syarikat penerbangan baharu yang lebih kecil dengan visi dan budaya tenaga kerja baharu serta kepimpinan syarikat diberikan kebebasan mengemudi mengikut dinamika pasaran.

Malaysia Airlines mempunyai sekitar 13,000 tenaga kerja. Ia terlalu besar untuk keadaan sekarang ini dan sekiranya COVID-19 berakhir sekali pun, ia mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum pelancong berani untuk mengembara kembali. *Malaysia Airlines* menjalani penjenamaan semula pada 2014, namun ketika itu ia adalah satu bentuk perpindahan aset dan bukannya mewujudkan syarikat baharu. Langkah pemindahan itu tidak berjaya mengatasi masalah *Malaysia Airlines* kerana landskap penerbangan dunia sekarang sudah berubah.

Malaysia Airlines tidak mempunyai pilihan lain selain mengecilkan tenaga kerja jika mahu terus bernaung di bawah bumbung *Malaysia Airlines* Berhad (MAB). Tidak boleh lari dari soal pembuangan pekerja. Tiada guna penstrukturan dilakukan tanpa memperkemaskan kembali tenaga kerja. penilaian harus dilakukan oleh Khazanah sama ada pemilikan syarikat penerbangan nasional adalah relevan pada masa kini terutama jika dibandingkan dengan jumlah populasi penduduk Malaysia. Malaysia yang mempunyai sekitar 31 juta penduduk tidak sesuai mempunyai sehingga tiga syarikat penerbangan. Ia terlalu banyak dan kapasiti berlebihan. Harus lakukan satu kajian dan melihat tahap optimum jumlah penerbangan yang sepatutnya ada di Malaysia serta syarikat mana yang harus dibubarkan.

Malaysia Airlines memperkenalkan MH EDGILE, program meningkatkan kemahiran dan latihan semula yang terbuka kepada lebih 2,000 pekerja. Program itu menawarkan peluang kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan dilatih semula untuk kecekapan pekerjaan lain sama ada dalam kecekapan khusus seperti pengurusan kemudahan dan audit atau bidang am dan boleh dilatih seperti jualan dan meja bantuan IT. Program itu membolehkan pekerja syarikat penerbangan nasional itu memberikan kepakaran dan perkhidmatan mereka untuk menyokong kemampanan perniagaan jangka

panjang dan mengkaji ruang baharu untuk berkembang dan membangunkan potensi mereka .

Tertakluk kepada kelulusan, kumpulan pekerja ini akan ditugaskan semula secara sementara untuk membantu jabatan lain yang memerlukan tenaga kerja untuk jawatan kritikal atau fungsi pekerjaan akibat daripada kekangan tenaga kerja. inisiatif ini ditawarkan secara sukarela dan tertakluk kepada prasyarat pekerjaan dan kriteria pemilihan jabatan yang menerima. Semua tugasan akan dilakukan secara sepenuh masa. Pekerja masih dibenarkan untuk mengekalkan kesahihan lesen pekerjaan mereka.

Tempoh tugasan sementara akan bergantung kepada keperluan perniagaan dan operasi syarikat. Pekerja dengan permohonan yang diluluskan akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran baharu melalui bimbingan dan latihan sebagai persediaan kepada jawatan baharu. Menerapkan budaya kerja pendigitalan secara serentak untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ditawarkan dalam norma baharu. Oleh itu, meningkatkan kualiti kerja dan pembelajaran adalah teras kepada kejayaan.

lancar-program-tingkat-kemahiran-latih-semula-kakitangan-262710 dan

pakar-262577 yang dicapai pada 10 Oktober 2020)

11. Berdasarkan kes di atas,

a) Terangkan faktor penentuan keperluan sumber manusia yang dilakukan oleh Malaysia Airlines. [20]
b) Jelaskan jenis latihan yang diberikan oleh Malaysia Airlines kepada pekerjanya. [10]

Jawab **satu** *soalan sahaja*.

12. Jelaskan **lima** alat kawalan kualiti [20]

13. Terangkan **lima** faktor yang mempengaruhi Gelagat Pengguna. [20]

Kertas Soalan Tamat

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN A:

1. Huraikan **empat** tanggungjawab Syarikat Garuda terhadap pemodal atau /pelabur perniagaannya.

   Tanggungjawab Perniagaan Garuda terhadap pemodal atau pelabur perniagaannya ialah :
   i) Meningkatkan nilai saham atau dividen yang dibayar kepada pemodal melalui kejayaan perniagaan dan meningkatkan kekayaan pemodal.[1m]
   ii) Membuat pembahagian untung perniagaan atau pemberian dividen secara adil kepada pemodal.[1m]
   iii) Bertanggungjawab memberikan kadar pulangan yang terbaik ke atas jumlah pelaburan yang dilabur oleh pemodal atau pelabur.[1m]
   iv) Memberikan maklumat yang lengkap dan tepat tentang operasi dan prestasi perniagaan kepada pemodal.[1m]

   (4F x 1m = 4m)

2. Huraikan **dua** sebab sesebuah perniagaan milikan tunggal perlu ditukar kepada bentuk syarikat.

   Dua sebab sesebuah perniagaan milikan tunggal perlu ditukar kepada bentuk syarikat iailah :
   i) Sukar berkembang [1m] kerana modal terhad.[1m]
   ii) Liabiliti tidak terhad[1m] menyebabkan harta pemilik boleh digunakan untuk membayar hutang perniagaan.[1m]
   iii) Perniagaan tidak akan berkekalan[1m] jika pemilik meninggal dunia.[1m]
   iv) Pemilik mempunyai kemahiran pengurusan yang terhad[1m[dan bergantung kepada kemahiran sendiri/tiada kemahiran langsung.[1m]
   v) Sukar mendapat pinjaman daripada pihak bank [1m] kerana bank kurang yakin dengan prestasi syarikat.[1m]
   vi) Kerugian dan risiko ditanggung sendiri.[1m] kerana hanya di miliki oleh seorang pemilik

   mana-mana 2 jawapan pertama**(2F x 2m = 4m)**

3. Nyatakan **enam** faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar sebelum memilih sesuatu lokasi untuk dijadikan tapak kilang. (6)

Enam faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar sebelum memilih sesuatu lokasi untuk dijadikan tapak kilang ialah :

i) Bekalan tenaga buruh [1m]
ii) Sistem pengangkutan dan logistic[1m]
iii) Peraturan dan kawalan undang-undang[1m]
iv) Pembekal bahan mentah[1m]
v) Kemudahan infrastruktur[1m]
vi) Faktor persekitaran[1m]
vii) Pengguna sasaran[1m]

Mana-mana 6 fakta pertama(6F x 1m = 6m)

4. Berikan **empat** prinsip dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). (4)

Empat prinsip dalam Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) ialah :

i) Kualiti produk atau perkhidmatan berfokuskan kepada pelanggan agar dapat memenuhi keperluan pelanggan.[1m]
ii) Pihak pengurusan memberi autoriti kepada pekerja untuk membuat keputusan.[1m]
iii) Hubungan antara ahli-ahli kumpulan berdasarkan kepercayaan dan semangat kerjasama.[1m]
iv) Pengurus akan memberi galakan kepada pekerja untuk sentiasa menngkatkan kualiti kerja.[1m]
v) Pihak pengurusan perlu menjadi contoh amalan berkualiti kepada pekerja.[1m]
vi) Penambahbaikan yang berterusan menjadi teras aktiviti pengeluaran produk atau perkhidmatan melalui semakan dan pemantauan proses kualiti.[1m]

Mana-mana 4 jawapan pertama(4F x 1m = 4m)

5. Jelaskan **dua** elemen yang terdapat dalam Model Gelagat Pengguna. (4)

Dua elemen yang terdapat dalam Model Gelagat Pengguna yang digunakan untuk mengkaji faktor keputusan pembelian dan maklum balas pengguna ialah :

i) Rangsangan pemasaran dan persekitaran[1m]
   - Pengguna terpengaruh untuk membuat pembelian sesuatu produk apabila tertarik dengan harga psikologi, promosi jualan, kaedah pengiklanan,pembungkusan dan lain-lain rangsangan campuran pemasaran.[1m]
   - Keadaan ekonomi yang tidak stabil juga telah menyebabkan kuasa beli pengguna terhad kepada produk yang penting sahaja seperti barangan makanan.[1m]

ii) Kotak hitam pengguna[1m]
   - Pemikiran pengguna dipengaruhi oleh minda pengguna yang terdedah kepada pelbagai rangsangan pemasaran dan persekitaran.[1m]
   - Rangsangan ini akan berinteraksi dengan ciri-ciri pengguna seperti psikologi, budaya, sosial serta lain-lain.[1m]

iii) Maklum balas atau respons pengguna/Tindakan pengguna[1m]
   - Pengguna akan membuat keputusan untuk membeli atau tidak membuat pembelian.[1m]
   - Tindakan seseorang membuat keputusan sama ada ingin membeli /tidak membeli.[1m]

Mana-mana 2 jawapan pertama(2F,2HC = 4m)

6. Huraikan **tiga** langkah pertama dalam proses pembelian produk pengguna. (6)

Tiga langkah pertama dalam proses pembelian produk pengguna ialah :

i) Mengenal pasti keperluan[1m]
   - Pengguna perlu mengenal pasti sama ada barang yang hendak dibeli dapat memenuhi keperluan atau mengatasi masalah.[1m]

ii) Mencari maklumat[1m]
   - Pengguna akan mendapatkan maklumat lengkap secara aktif berkenaan barang yang dibeli daripada pelbagai sumber seperti sumber peribadi, sumber komersil dan sumber awam.[1m]

iii) Menilai alternative[1m]
   - Setelah memperoleh segala maklumat yang dikehendaki, pengguna akan menilai alternatif yang ada dalam satu set pilihan berdasarkan situasi pembelian yang dihadapi, budi bicara sendiri dan nasihat daripada jurujual atau rakan.[1m]

(3F, 3H = 6m)

SKEMA JAWAPAN BAHAGIAN B

a) Terangkan faktor penentuan keperluan sumber manusia yang dilakukan oleh Malaysia Airlines. [20]

faktor penentuan keperluan sumber manusia yang dilakukan oleh Malaysia Airlines ialah

Fakta	Huraian	Kaitan kes
1. Perubahan sosioekonomi [1m]	Kemampuan organisasi untuk memenuhi keperluan pekerjaan bergantung pada daya saing tenaga kerja yang ada dalam sesebuah masyarakat[1m]	• Syarikat penerbangan negara Malaysia Airlines harus dibubarkan kerana sudah tidak boleh diselamatkan lagi, dengan penularan COVID-19[1M] • kewangan syarikat itu semakin sukar diatasi[1M] • Malaysia Airlines mempunyai sekitar 13,000 tenaga kerja. Ia terlalu besar untuk keadaan sekarang ini dan sekiranya COVID-19 berakhir sekali pun, ia mengambil masa dua hingga tiga tahun sebelum pelancong berani untuk mengembara kembali.[1m] • penilaian harus dilakukan oleh Khazanah sama ada pemilikan syarikat penerbangan nasional adalah relevan pada masa kini terutama jika dibandingkan dengan jumlah populasi penduduk Malaysia[1m]
2. Pertumbuhan perniagaan [1m]	Bergantung kepada pertambahan pertumbuhan sesebuah perniagaan[1m]	• Prestasi syarikat semakin merosot [1M] • Malaysia Airlines sememangnya mempunyai isu legasi sejak bertahun lamanya[1M] • Berbilion dolar diperlukan untuk memperbetulkan kembali syarikat berkenaan namun tiada jaminan ia akan berhasil Pemansuhan Malaysia [1m] • Airlines boleh digantikan dengan sebuah syarikat penerbangan baharu yang lebih kecil dengan visi dan budaya tenaga kerja baharu serta kepimpinan syarikat diberikan kebebasan mengemudi mengikut dinamika pasaran.[1m]

3. Individu[1m]

   - Ciri individu seperti umur, pekerjaan, gaya hidup akan memberikan pengaruh kepada keputusan pembelian seseorang.[1m]

   - Pengeluar perlu memahami setiap ciri individu demi merancang strategi pemasaran yang sesuai supaya dapat menarik perhatian pengguna terhadap produknya di pasaran.[1m]

   - Contohnya pengguna yang berada dalam peringkat umur yang berlainan akan mempunyai cita rasa yang berbeza terhadap produk. Golongan remaja lebih cenderung membeli pakaian yang berwarna terang berbanding golongan yang lebih berumur.[1m]

4. Psikologi [1m]

   - Melibatkan faktor dalaman seseorang individu.[1m]

   - Elemen dalam faktor psikologi seperti persepsi atau tanggapan pengguna, motivasi, personaliti, pembelajaran dan sikap pengguna.[1m]

   - Persepsi merupakan memilih, mengorganisasi dan mentafsir maklumat yang diterima untuk membentuk suatu gambaran yang bermakna.[1m]

   - Contohnya sikap seseorang pengguna yang sentiasa mengagung-agungkan barang import sudah tentu tidak akan membeli barang buatan tempatan walaupun harga lebih murah dan kualitinya juga terjamin.[1m]

5. Situasi[1m]

   - Faktor seperti tempat membeli, masa dan musim, perasaan dan emosi pengguna ketika membuat pembelian dapat mempengaruhi gelagat pembelian.[1m]

   - Penguna yang gemar membeli di pusat membeli belah yang mempunyai banyak pilihan produk akan berasa tidak selesa membeli di kedai pasar raya yang biasa.[1m]

   - Contohya semasa cuti sekolah banyak potongan harga ditawarkan kepada pembeli, maka pengguna yang suka membeli belah akan mengambil peluang untuk membuat pembelian.[1m]

[fakta 5 = 5m, huraian = 10m, contoh 5 = 5m]

Kertas Skema Tamat

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar